

29/06/2001

Bon RM3.8b untuk biaya projek pembangunan

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Khamis - Langkah kerajaan menerbitkan bon kedaulatan bernilai AS\$1 bilion (RM3.8 bilion) di pasaran antarabangsa bertujuan membiayai pelbagai projek pembangunan, bukannya menampung rizab negara, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri yang juga Pemangku Menteri Kewangan menolak dakwaan kononnya bon itu diterbitkan untuk menokok rizab negara yang didakwa sesetengah pihak semakin susut.

"Tidak, kita mempunyai rizab yang berupaya membiayai lebih tiga bulan import tertanggung. Tiada sebarang projek khusus (untuk dibiayai menerusi terbitan bon itu)...kita cuma memerlukannya untuk beberapa keperluan.

"Ini adalah amalan biasa. Setiap tahun kita pergi ke pasaran bagi mengumpul dana menerusi terbitan bon," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan anugerah kepada pemenang pertandingan rancangan perniagaan, Venture 2001, di sini hari ini.

Venture 2001 adalah pertandingan rancangan perniagaan Malaysia yang pertama seumpamanya dan dibangunkan dengan matlamat menjadikan negara sebuah ekonomi keusahawanan.

Penganalisis pasaran sebelum ini mendakwa kononnya kerajaan terpaksa menerbitkan bon kedaulatan untuk menokok rizab negara yang semakin susut bagi menampung tambatan tetap ringgit kepada dolar Amerika.

Kementerian Kewangan, dalam satu kenyataan ringkasnya hari ini menyebut, bon itu bertujuan mendapatkan pembiayaan am bagi kerajaan.

Bon berkadar tetap dengan tempoh matang 10 tahun itu diberi penarafan `BBB kanan (tidak bercagar)" oleh Standard and Poor's dan `Baa2' oleh Moody's. JP Morgan dan Salomon Smith Barney dilantik pengurus bersama bagi bon itu.

Penarafan itu mencerminkan kekukuhan ekonomi Malaysia yang disokong kedudukan kecairan antarabangsa dan luaran yang mantap, nisbah hutang kecil dan tahap simpanan domestik tinggi.

Sehingga 31 Mei 2001, rizab negara berjumlah RM98.6 bilion (AS\$25.9 bilion), susut sedikit daripada AS\$26.1 bilion yang dicatatkan pada 15 Mei 2001.

Bank Negara dalam satu kenyataan baru-baru ini menyatakan, paras rizab itu mencukupi bagi membiayai kira-kira 3.8 bulan import tertanggung dan 5.5 kali hutang luar negara jangka pendek.

Dr Mahathir juga menolak andaian bahawa terbitan bon itu bertujuan mempertahankan ringgit yang kekal ditambat pada kadar RM3.80 bagi setiap dolar Amerika sejak langkah kawalan modal berpilih diperkenalkan 1 September 1998.

"Tiada apa yang perlu dipertahankan. Mengapa perlu kita pertahan ringgit? Tiada siapa menyerang ringgit sekarang.

"Dulu ada...dulu kita perlu simpan wang bagi menghadapi serangan terhadap ringgit yang memaksa kita pergi ke pasaran membeli ringgit. Sekarang adalah mustahil bagi sesiapa untuk menyerang ringgit," katanya.

Perdana Menteri berkata, pegawai Kementerian Kewangan mungkin ke luar negara bagi mempromosi dan menjual terbitan bon itu seperti yang pernah dilakukan sebelum ini.

Ditanya sama ada kerajaan akan mengkaji semula segala keputusan dibuat Tun Daim Zainuddin ketika menyandang jawatan Menteri Kewangan sebelum ini, Dr Mahathir berkata:

"Tiada apa kajian, kita cuma meneruskannya...ada sesuatu yang perlu

`dibersihkan' seperti pengambilalihan LRT sebagai contoh, kita perlu melihat semula. Itu saja," katanya.

Disember lalu, kerajaan bercadang membeli aset milik dua syarikat pengendali sistem transit aliran ringan (LRT) iaitu Sistem Transit Aliran Ringan Sdn Bhd (Star) dan Projek Usahasama Transit Ringan Automatik Sdn Bhd (Putra) yang akan dibiayai menerusi terbitan bon bersiri berjumlah RM6 bilion.

Bagaimanapun, baru-baru ini Dr Mahathir berkata, kerajaan belum membuat keputusan sama ada membeli atau tidak aset kedua-dua syarikat dan masih perlu mengkaji masalah syarikat berkenaan.

(END)